

09/03/2002

Wartawan Singapura tikus punca kenyataan Pemuda PAP

KOTA BHARU, Jumaat - Wartawan Malaysia mungkin terkejut apabila melihat telatah rakan mereka di Singapura yang bagaikan tikus ketika menghampiri pemimpin tertinggi republik itu, terutama Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata bukanlah suatu perkara biasa atau menjadi amalan bagi wartawan di Singapura menemui pemimpin tertinggi seperti rakan mereka di Malaysia mengerumuni Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, katanya, apabila Pergerakan Pemuda Parti Tindakan Rakyat (PAP) terkejut melihat wartawan Malaysia menghampiri Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, di republik itu baru-baru ini bukanlah perkara mengejutkan.

"Bila pemimpin pemuda PAP melihat keadaan itu, tentulah mereka terkejut lalu menggelarkan wartawan Malaysia sebagai "haiwan liar."

"Demikianlah pula apabila wartawan Malaysia melihat rakan mereka di Singapura yang menghampiri pemimpin Singapura seperti Lee Kuan Yew, tentu akan terkejut melihat mereka sebagai tikus," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Naib Pengerusi Pemuda PAP, Dr Vivian Balakrishnan, menggelar sekumpulan wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Pemuda Barisan Nasional (BN) ke republik itu 2 Mac lalu sebagai "haiwan liar".

Balakrishnan berkata demikian pada majlis makan tengah hari pada hari terakhir lawatan Hishammuddin, yang kemudiannya disambut tepukan gemuruh oleh delegasi Pemuda PAP.

Zainuddin berkata, Singapura sebenarnya ketinggalan dalam beberapa hal berbanding Malaysia walaupun republik itu mempunyai status negara maju.

Katanya, wartawan Singapura tidak biasa dengan demokrasi, manakala kebebasan dan pergerakan wartawan mereka terbatas. Ia hampir menyamai wartawan di 10 Downing Street, London atau White House di Washington apabila terpaksa berada jauh untuk sesi temu ramah.

"Di Malaysia, wartawan bebas mendekati Perdana Menteri sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Razak, Tun Hussein hingga ke Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini membuktikan keyakinan pemimpin terhadap keselamatan negara, wartawan dan rakyat. Oleh itu, saya menganggap kenyataan pemimpin Pemuda PAP itu ibarat mencerminkan kemunduran peradaban kewartawanan sekali pun negara itu maju.

"Dia tak tahu nak beza haiwan dan bukan haiwan kerana terkejut... tak biasa," katanya kepada pemberita selepas perasmian Mesyuarat Pengurusan RTM, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada wajar pemimpin Pemuda PAP itu meminta maaf kepada wartawan Malaysia, Zainuddin berkata beliau tidak percaya kepada perbuatan memohon maaf.

"Biarlah dia mendedahkan sejauh mana kebebasan di Singapura," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata peristiwa 13 Mei tidak wajar disiarkan kerana ia adalah tragedi pergaduhan antara kaum di negara ini.

Katanya, kejadian itu berbeza dengan peristiwa Memali yang menunjukkan penentangan sekumpulan kelompok fanatik terhadap kerajaan. Jika peristiwa 13 Mei 1969 disiarkan, ia mungkin boleh membangkitkan semula perasaan kebencian antara kaum dan memberi kesan kepada ketenteraman negara.

"Kita ingin tegaskan RTM tidak dapat menyiarkan video klip 13 Mei kerana peristiwa itu menunjukkan pergaduhan antara kaum dan boleh membangkitkan

semula kebencian antara kaum serta mengocak ketenteraman dalam negara.
(END)